

Rabu, 15 April 2020 | 1:37pm



Ahmad Azizi (kanan) bersama Komander AKSEM Bukit Bunga, Sarjan Adnan Othman (tengah) menunjukkan minyak masak dan petrol selepas sidang media di Pejabat KPDNHEP Cawangan Tanah Merah. - Foto Nik Abdullah Nik Omar

## Lebih 2,000 kg minyak masak untuk seludup dirampas

Oleh Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**TANAH MERAH:** Pihak berkuasa menyerbu sebuah rumah yang dijadikan lokasi transit menyimpan 2,210 kilogram (kg) minyak masak bernilai RM5,637.50 di Kampung Renab, Ayer Lanas, Jeli, semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP) Cawangan Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir, berkata operasi jam 4 petang itu dijalankan dengan kerjasama Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM).

Katanya, selain minyak masak, terdapat juga petrol sebanyak 90 liter yang mana kesemua barangan terbabit diletakkan di dapur dan dipercayai untuk diseludup ke Thailand.

"Bagaimanapun, suspek lelaki yang berusia 30-an, melarikan diri selepas menyedari kehadiran anggota. Suspek mengaburi pihak berkuasa dengan menyorok minyak di dalam rumah didiami keluarga.

"Melihat kepada jumlah minyak masak ini, kami percaya ia untuk diseludup kerana harganya yang agak tinggi di Thailand. Suspek berkemungkinan menunggu masa sesuai untuk dibawa ke sempadan melalui Sungai Golok kerana kawalan ketat dilakukan pihak berkuasa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tambahan pula, lokasi rumah terbabit hanyalah 250 meter daripada tebing Sungai Golok yang juga antara pangkalan haram, menjadikan kegiatan penyeludupan dijalankan dengan lebih mudah," katanya pada sidang media di Pejabat KPDNHEP Tanah Merah, di sini, hari ini.

Ahmad Azizi, berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, iaitu memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 22 Akta Kawalan Bekalan 1961, yang boleh didenda sehingga RM1juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/677447/lebih-2000-kg-minyak-masak-untuk-seludup-dirampas>

